



MAJLIS PEMELIHARAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

1 2 MAY 1991

911-183

# **DASAR-DASAR KERAJAAN**

(EDISI KETIGA 1990)

## PENGENALAN

Dalam suasana politik dan pentadbiran negara tiada suatu naluri yang boleh diharapkan untuk bertindak. Semuanya terpaksa dirancang, diselidik dan dihalusi terlebih dahulu. Dalam proses inilah Dasar-Dasar Negara digubal dan diperkenalkan ke dalam sistem Kerajaan guna membimbing dan menghalakan pembangunan serta pembaharuan.

Menerusi saluran media massa, kita mendengar dan menerima berbagai kenyataan, makluman dan penyampaian yang ada sahaja kaitannya dengan hidup kita. Berita-berita mengenai kejadian atau peristiwa berfungsi sebagai pelengkap kepada pengetahuan kita. Dasar-dasar yang diumumkan oleh pemimpin-pemimpin merupakan arah dan haluan yang perlu difahami dan diterima, seterusnya diamalkan oleh setiap anggota masyarakat apatah lagi oleh anggota-anggota parti yang memerintah.

Segala pemikiran, perancangan dan pelaksanaan Dasar-Dasar Kerajaan adalah untuk kebaikan dan peninggian taraf ekonomi rakyat jelata. Rakyatlah yang akan dapat menentukan kejayaan segala usaha kerajaan dengan masing-masing menyambut serta memainkan peranan dengan perasaan terbuka dan hati yang tulus ikhlas.

560626

APB

M  
338-9595  
DAS

13 JUN. 1991

Perpustakaan Negara  
Malaysia

- \* DASAR EKONOMI BARU
- \* DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN
- \* / DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN
- \* / DASAR PERTANIAN NEGARA
- \* HALACARA BARU DALAM PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN LUAR BANDAR
- \* KEPIMPINAN MELALUI TELADAN
- \* BERSIH, CEKAP, AMANAH
- \* PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM
- \* DASAR PENGURANGAN BEBAN PERBELANJAAN AWAM
- \* PERSYARIKATAN MALAYSIA
- \* / PENSWASTAAN
- \* / DASAR PANDANG KE TIMUR
- \* / DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA
- \* / DASAR KEPENDUDUKAN

## DASAR EKONOMI BARU

Dasar Ekonomi Baru bertujuan mengukuhkan proses pembangunan negara dan pengagihan hasil-hasil pembangunan secara saksama untuk mencapai matlamat perpaduan negara.

Dasar ini digubal setelah tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei akibat dari jurang perbezaan ekonomi di antara kaum. Melalui Dasar Ekonomi Baru usaha-usaha dijalankan untuk membasmi kemiskinan dan membetulkan ketidak-seimbangan sosioekonomi di antara kumpulan-kumpulan ethnik dan di antara wilayah-wilayah. Kerajaan juga menjamin bahawa pelaksanaan dasar ini tidak merugikan atau menjejaskan hak-hak asasi mana-mana kaum atau kumpulan.

### Membasmi Kemiskinan

Kerajaan berusaha menambah pendapatan dan memperbanyakkan peluang dan punca pengeluaran kepada rakyat tanpa mengira kaum.

Usaha-usaha dijalankan untuk mempertingkatkan penyertaan golongan yang kurang bernasib baik dalam proses pembangunan terutama melalui program.

- i) pembukaan tanah secara besar-besaran.
- ii) pembangunan '*in-situ*' melalui Projek Pembangunan Bersepadu (*IADP*) dan Program Input dan Pelbagai Pertanian.

- iii) pengenalan konsep Halacara Baru (1984) melalui program bersepadu iaitu:—
  - pengelompokan kampung-kampung terpencil.
  - penggalakkan pertumbuhan industri barangan perusahaan kampung.
  - menjalankan aktiviti pertanian secara komersial.

Kerajaan juga menyediakan kemudahan awam dan keperluan asas seperti pendidikan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat.

### **Penyusunan Semula Masyarakat**

Usaha-usaha untuk menyusun semula masyarakat termasuklah:




*ASB untuk menjamin pemilikan saham Bumiputera selepas 1990.*

- i) memodenkan kawasan bandar untuk meninggikan taraf hidup dan daya pengeluaran.
- ii) menstabilkan keadaan yang tidak seimbang dalam struktur gunatenaga melalui pertumbuhan ekonomi.
- iii) menambah dengan lebih cepat hak rakyat dalam pemilikan modal dalam stok masyarakat.
- iv) memastikan Bumiputera berjaya sebagai masyarakat perdagangan dan perindustrian.
- v) memajukan negara dengan membangunkan kawasan mundur.

Pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera adalah penting kerana ia memberi sumbangan langsung ke arah meninggikan pendapatan serta menyusun semula corak gunatenaga dan pemilikan harta dalam sektor syarikat dari berbagai peringkat aktiviti ekonomi. Usaha-usaha kearah pencapaian strategi ini menunjukkan sektor awam telah memainkan peranan utama.

Hasilnya, hakmilik dan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti-aktiviti sektor bukan syarikat, terutamanya dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan kecil, telah mencapai kemajuan menerusi perniagaan perseorangan dan perkongsian.

Jelasnya Dasar Ekonomi Baru adalah satu program '*socio-economic engineering*' yang unik yang pernah dilakukan. Dasar seperti ini adalah amat perlu bagi sebuah negara seperti Malaysia. Perpaduan negara, kestabilan politik dan ekonomi tidak mungkin tercapai sekiranya ketidakseimbangan ekonomi di antara kaum dan kawasan tidak diatasi melalui satu proses diskriminasi yang positif ke arah pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.



*Bangunan Permodalan Nasional Berhad — lambang aspirasi  
Dasar Ekonomi Baru.*



## **DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1974 untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki Akta Pelajaran 1961, supaya matlamat untuk melahirkan satu masyarakat yang bersepadu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara dapat dicapai.

Falsafah Pendidikan Negara yang diasaskan kepada hasrat serta aspirasi negara memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis, yang boleh mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Ini menjadi satu matlamat penting sistem pendidikan kebangsaan.

### **Strategi Pelaksanaan**

Beberapa strategi telah digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan yang telah ditetapkan seperti berikut:—

- a. Menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama;
- b. Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah;



*Pendidikan vokasional dan teknik telah diperluaskan.*

- c. Mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua;
- d. Melicinkan tatacara pengurusan pendidikan;
- e. Meningkatkan mutu pendidikan keseluruhannya dengan menyediakan pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu;
- f. Mengadakan peluang pendidikan asas selama sembilan tahun;
- g. Mendemokrasikan pendidikan dari segi peluang dan mutu dengan mengagihkan peruntukan secara adil dan

- memberi perhatian khas kepada kumpulan yang kurang bernasib baik dan kawasan luar bandar atau pedalaman;
- h. Menyediakan pendidikan rendah mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang berasaskan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Menyediakan pendidikan menengah mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menekankan persepaduan antara unsur-unsur intelektual, rohani, emosi dan jasmani;
  - i. Memperluaskan pendidikan Vokasional dan Teknik;
  - j. Mempelbagaikan dan memperbanyakkan kemudahan pendidikan di peringkat universiti terutama dalam bidang sastera gunaan dan sains gunaan;
  - k. Mempertingkatkan pendidikan kerohanian, moral dan disiplin;
  - l. Menjadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris mata-mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah-sekolah dan memberi peluang yang sempurna bagi pembelajaran bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Cina dan Bahasa Tamil;
  - m. Menggalakkan aktiviti ko-kurikulum yang memupuk disiplin, seperti pasukan-pasukan kadet tentera, kadet polis, pengakap, puteri Islam dan lain-lain.

Di samping strategi ini, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga dilaksanakan dengan mengada dan memperkembangkan tenaga pengajar yang terlatih dan juga mendirikan sekolah-sekolah selaras dengan pertambahan kanak-kanak. Beberapa Bahagian dan Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi memastikan tercapainya hasrat Dasar Pendidikan ini di antaranya termasuklah penubuhan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional, Jawatankuasa Pusat Kurikulum, Biro Buku Teks, Majlis Sukan



*Ke arah menyediakan insan berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis.*

Sekolah-sekolah Malaysia. Jawatankuasa Perancangan Pendidikan, Bahagian Perkhidmatan, Sebaran Pendidikan dan Pusat Perkembangan Kurikulum.

Keperluan tenaga rakyat yang bergantung kepada perkembangan ekonomi negara memang sukar ditentukan memandangkan perkembangan itu sangat dipengaruhi oleh iklim ekonomi dunia yang berubah-ubah. Namun begitu, hasil dari pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan selama ini, tenaga rakyat yang dihasilkan pada keseluruhannya dapat

memenuhi keperluan gunatenaga negara kecuali di beberapa bidang tertentu. Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga telah dapat merapatkan jurang pengenalan bidang pekerjaan mengikut kaum samada di dalam sektor awam ataupun swasta. Di samping itu ianya telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan terutamanya bagi kaum bumiputera yang berpendidikan.

Mengenai matlamat melahirkan rakyat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih, ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ini telah tercapai. Misalnya kurikulum yang sama dan bercorak kebangsaan telah sedikit sebanyak menimbulkan dan memupuk perasaan dan kesedaran kebangsaan Malaysia di kalangan mereka yang melalui sistem pendidikan kebangsaan. Namun demikian, sukar dipastikan samada perasaan dan kesedaran itu telah membuahkan perpaduan. Malah, walaupun perpaduan wujud sekarang sukar hendak dikatakan bahawa ia adalah hasil daripada sistem pendidikan semata-mata kerana perpaduan bukannya bergantung kepada satu faktor sahaja walaupun sistem pendidikan merupakan satu daripada faktor-faktor penting yang perlu diambilkira.

Selaras dengan hasrat negara untuk mencapai tahap perindustrian adalah penting rakyatnya diberikan pendidikan secukupnya dengan keperluan-keperluan swasta bagi bidang-bidang tertentu seperti pengeluaran, pelancongan, perkhidmatan dan sebagainya. Oleh itu dasar ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tenaga manusia dari segi jumlah tetapi juga dari segi kualiti. Dasar ini seharusnya dapat menggalakkan lebih ramai rakyat yang terlibat secara aktif dalam bidang keusahawanan dan tidak bergantung semata-mata kepada kerajaan untuk mencari kerja. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan semasa yang menekankan penyertaan swasta secara aktif.

## **DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

### **Latarbelakang**

“Kebudayaan” adalah merupakan keseluruhan cara hidup manusia. Ia berperanan amat penting dalam proses pembangunan negara di Malaysia di mana keperibadian Malaysia harus dipupuk dalam usaha-usaha yang dijalankan ke arah meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi dan politik. Ini sudah tentunya memerlukan pengemblengan dan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam satu proses yang berterusan.

### **Rasional**

Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah negara membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia. Dasar ini menjadi garispanduan dalam membentuk, mewujudkan dan mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa.

Peranannya sebagai sebuah pusat pertemuan, telah melahirkan proses interaksi, pengenalan, penyerapan dan penerimaan pelbagai unsur-unsur yang sesuai kepada kebudayaan asal rantau ini dari pelbagai unsur-unsur kebudayaan dunia.

Dengan demikian, sebagai satu proses yang berterusan, pewujudan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia akan terus berlandaskan unsur-unsur dan tiga prinsip yang ditetapkan oleh Kerajaan sebagai Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu: —

1. Berteraskan kepada Kebudayaan Rakyat Asal Rantau ini Rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia,



*Tarian Melayu asli menjadi warisan kebudayaan sejak zaman berzaman.*

Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania) sehingga Malagasi adalah merupakan bahagian utama dari kawasan tamadun atau budaya Melayu. Rantau ini merupakan pusat pemancaran, pengembangan dan warisan kebudayaan Melayu sejak zaman berzaman dan ditandai pula oleh kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghubungan antarabangsa (*lingua franca*). Kebudayaan serantau itu digambarkan oleh persamaan-persamaan di bidang bahasa yang berasaskan keluarga bahasa Melayu – Austronesia, kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadiannya. Budaya Melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian kepada lebih 200 juta umat manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama. Dengan yang demikian, kebudayaan Melayu telah dijadikan teras kepada Kebudayaan Kebangsaan.

## **2. Unsur-unsur Kebudayaan Lain Yang Sesuai dan Wajar**

Kebudayaan sebagai sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan. Prinsip ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya. Dengan itu unsur-unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai dan wajar diberi pertimbangan dan penerimaan dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Kesesuaian penerimaan dalam penyerapan ini adalah bergantung kepada tidak wujudnya percanggahan dengan Perlembagaan dan Prinsip-prinsip Rukunegara dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat pada amnya dan pada Islam sebagai agama rasmi negara khususnya.



### 3. Islam Menjadi Unsur Yang Penting Dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan

Agama atau Kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbang dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal dan kerana itu patut menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan memandangkan kedudukannya sebagai agama rasmi negara, di samping telah wujudnya fakta sejarah dan nilai-nilai Islam yang telah sedia didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini.

Ketiga-tiga prinsip asas di atas adalah melambangkan kepada penerimaan gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.

#### Objektif

Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan bagi negara-negara yang baru merdeka amatlah penting untuk mewujudkan sebuah negara yang stabil dan bersatupadu. Dengan yang demikian usaha-usaha pembinaan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui Kebudayaan, memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada Kebudayaan Kebangsaan, memperkayakan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi.

Objektif dasar ini boleh dicapai melalui strategi-strategi berikut: —

- i. Pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas-asas Kebudayaan Kebang-



*Seni tradisi masyarakat Sarawak dipersembahkan kepada pengunjung-pengunjung Kampung Budaya Damai, Sarawak.*

- saan melalui usahasama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya;
- ii. Meningkatkan dan mengukuhkan kepimpinan budaya melalui usaha-usaha membimbing dan melatih peminat, mendokong dan menggerak kebudayaan seluas-luasnya sebagai jentera pembangunan yang berkesan;
  - iii. Mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan nasionalisma Malaysia;

- iv. Memenuhi keperluan sosio-budaya;
- v. Meningkatkan taraf dan mutu keseniaan.

Di samping Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, penglibatan pihak lain juga adalah penting dalam pelaksanaan dasar ini. Agensi-agensi terlibat termasuklah Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun dan pihak swasta serta pertubuhan-pertubuhan kebudayaan.

Peranan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam pelaksanaan matlamat dan strategi dasar ini adalah penting. Antara lain Kementerian ini menguruskan penyelidikan, pembangunan dan penggalakan, pendidikan dan pengembangan kesenian dan perhubungan ke arah kemajuan Kebudayaan Kebangsaan.

Peranan Kementerian/Jabatan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun yang lain adalah sama penting dalam melaksanakan strategi dasar ini di dalam pengurusan harian dan pelaksanaan dasar-dasar semasa. Peranan pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan kebudayaan ini diperlukan di mana badan-badan ini boleh memainkan peranan menjalankan usaha pembinaan dan kemajuan kebudayaan di peringkat organisasi masing-masing dan seterusnya membiayai penajaan program atau projek-projek kebudayaan.

## **Pencapaian dan Masalah**

Berbagai usaha telah dijalankan bagi mencapai matlamat dasar ini. Secara umumnya pencapaian matlamat dan objektif dasar telah menunjukkan kejayaan yang boleh dibanggakan. Perlu diingat bahawa di dalam pembentukan dan pewujudan satu Kebudayaan Nasional, proses penyerapan dan penerimaannya mengambil masa yang lama, melangkaui satu generasi ke satu generasi yang lain. Penggubalan dan pelaksanaan

dasar ini, meskipun masih lagi baru usianya (iaitu sejak penerimaan prinsip asas gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971) pembentukan identiti nasional dan paduan kaum berasaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini dan asas-asas moral dan nilai murni Islam telah pun dilaksanakan. Adalah didapati bahawa pencapaian ke arah ini telah pun jelas kelihatan sejak kebelakangan ini.

Namun demikian ukuran secara terperinci terhadap pencapaian dan keberkesanan pelaksanaan Dasar ini adalah sukar dibuat memandangkan bahawa pembentukan sesuatu budaya negara bukanlah dapat diusahakan dalam satu atau dua dekad. Antara kelemahan-kelemahan pencapaian dan masalah yang wujud kebelakangan ini adalah berpunca daripada perkembangan sosio ekonomi yang pesat di dalam suasana perhubungan luar secara terbuka dan tidak terhad.

Kejayaan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini adalah bergantung kepada peruntukan kewangan, kepakaran dan kecekapan pengurusan yang mengendali dan melaksanakan Dasar ini. Sokongan secara langsung atau tidak langsung oleh semua adalah penting bagi kejayaan program dan aktiviti-aktiviti, dasar ini.

## **Penutup**

Penggubalan dan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah perlu bagi negara kita yang sedang membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum yang mengamalkan budaya yang berbeza. Dasar ini dapat menjadi garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan satu bangsa yang bersatu-padu serta mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa.

## DASAR PERTANIAN NEGARA

### Latarbelakang

Dasar Pertanian Negara (DPN) dilancarkan sebagai garis panduan bagi membantu Kerajaan dan sektor swasta membangunkan sektor pertanian (yang meliputi sektor kecil tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan) sehingga tahun 2000 dan seterusnya, keseluruhan ekonomi negara.

Sektor pertanian telah memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ia menyediakan peluang-peluang pekerjaan; menjadi sumber bahan mentah sektor perindustrian; menjadi sumber makanan; dan menjadi punca utama pertukaran wang asing. Dari segi mutlak, sumbangan sektor pertanian terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat, tetapi dari segi peratus telah menurun dari 31 peratus pada tahun 1970 kepada 21 peratus pada tahun 1988.

Bagi sektor gunatenaga, sumbangan sektor pertanian dalam memberikan peluang pekerjaan telah menurun daripada 53 peratus pada tahun 1970 kepada 34 peratus pada tahun 1985. Manakala bagi tempoh yang sama, sumbangan sektor



*Kaum nelayan adalah di antara golongan kemiskinan yang akan mendapat manfaat dari Dasar Pertanian Negara.*

pembuatan telah meningkat daripada 9 peratus serta sektor perkhidmatan mencatat pertambahan daripada 16 peratus kepada 37 peratus. Kadar pertumbuhan sektor pertanian juga berkurangan daripada 5.7 peratus dalam tempoh 1971 – 75 kepada 3.4 peratus dalam tempoh 1981-85.

Berhadapan dengan hakikat ini, Kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada perkembangan ekonomi negara. Tindakan itu dibuat berasaskan dua perhitungan. Pertama, sektor pertanian, khususnya sektor-kecil bukan-ladang merangkumi sebagian besar golongan miskin negara. Kerajaan merasa bertanggungjawab bagi meningkatkan taraf hidup mereka itu. Kedua, Kerajaan bercadang hendak membangunkan sektor ini tanpa bergantung kepada pelaburan sektor awam sahaja dan dengan cara itu mengurangkan beban perbelanjaan awam di sektor yang rendah pulangan pelaburannya.

## **Objektif**

DPN mempunyai objektif-objektif berikut: –

- (a) Memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggembelengan sumber-sumber negara secara cekap dan berkesan supaya sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi negara dapat dipergiatkan semula.
- (b) Memaksimumkan pendapatan pengusaha/pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan dan kualiti hidup keluarga diperbaiki.
- (c) Memajukan dan meningkatkan hasil dan mutu komoditi-komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport atau bahan gantian import serta komoditi-komoditi terpilih untuk bahan makanan dan perindustrian.

Untuk mencapai objektif-objektif diatas, beberapa strategi telah digubal.

Strategi-strategi utama DPN adalah seperti berikut:—

(a) **Pembukaan Tanah baru**

Pembukaan tanah baru akan mengambilkira stok tanah yang sesuai untuk pertanian yang semakin berkurangan di samping kos pembangunan tanah yang kian meningkat. Untuk mengatasi batasan pertama, saiz kebun akan disesuaikan dengan jenis dan sistem tanaman yang terpilih. Untuk mengatasi batasan kedua, para peserta rancangan tanah akan ditempatkan di kawasan rancangan lebih awal lagi untuk membantu usaha menyediakan kawasan itu untuk tanaman.

Peserta-peserta yang berjaya ke rancangan tanah juga dikehendaki melepaskan tanah-tanah mereka di tempat asal dengan cara menjual atau memajakkannya kepada pengusaha-pengusaha yang berdekatan. Ini akan menambahkan saiz tanah pengusaha-pengusaha dan mengelakkan tanah-tanah tersebut dari tinggal terbiar.

(b) **Pembangunan In-Situ**

Pembangunan pertanian *In-situ* ditujukan kepada kawasan-kawasan yang telah sedia diusahakan dengan pelbagai aktiviti pertanian tetapi daya pengeluaran adalah rendah akibat beberapa masalah struktur dan institusi, seperti saiz tanah yang tidak ekonomik, pemilihan tanaman yang tidak menguntungkan dan juga masalah tanah terbiar. Pada umumnya kumpulan sasar adalah golongan petani miskin.

Strategi memajukan kawasan ini secara bersepadu akan terus diperkukuhkan melalui pengelompokkan atau penyatuan tanah-tanah kecil ke satu sistem dan skel pertanian yang ekonomik.




(c) **Perkhidmatan Sokongan Pertanian**

Untuk membangunkan pertanian ke tahap yang lebih tinggi, khidmat sokongan seperti penyelidikan, pengembangan dan pemasaran yang cekap dan berkesan di samping menyediakan galakan-galakan atau insentif yang tertentu adalah diperlukan.

Penyelidikan pertanian akan terus ditingkatkan bagi komoditi eksport dan komoditi makanan, bagi menjamin hasil dan mutu pengeluaran yang tinggi dan dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Penyelidikan gunaan (*applied research*) akan diberi tumpuan sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah



*Penyelidikan pertanian merupakan khidmat sokongan yang dapat membantu membangunkan sektor pertanian ke tahap yang lebih tinggi.*

pengeluaran, lepas tuai dan aktiviti-aktiviti hiliran. Perkhidmatan pengembangan akan diperkukuhkan.

Pemasaran pertanian juga akan dipertingkatkan supaya wujud struktur dan sistem pemasaran yang cekap dan teratur. Aspek-aspek lain yang akan ditekankan adalah meningkatkan mutu dan persembahan atau pembungkusan hasil-hasil pertanian supaya lebih menarik, memperkenalkan sistem gred, menstabilkan harga dan memperkukuhkan kemudahan infrastruktur pemasaran seperti pengangkutan, penyimpanan dan pemerosesan.

(d) **Pembangunan Sosial dan Institusi**

Proses pembangunan dan pemodenan sektor pertanian melibatkan sektor-sektor fizikal atau teknikal, pembangunan, kemanusiaan, sosial dan institusi desa itu sendiri. Penerimaan dan pengamalan nilai-nilai yang positif seperti berdikari, dayamaju dan saling bantu membantu adalah faktor-faktor penting yang akan menyumbang kepada kejayaan Dasar Pertanian Negara.

(e) **Penswastaaan dan Penyertaan Pihak Swasta**

Bagi mengurangkan beban Kerajaan dalam pembangunan pertanian, beberapa program dan projek pertanian boleh dijalankan secara komersial dan diswastakan.

## **Penutup**

Hasrat dan objektif Dasar Pertanian Negara adalah murni tetapi, perlu ditekankan bahawa kejayaan Dasar Pertanian Negara bergantung kepada penglibatan dan kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta dan lebih penting lagi kesediaan para petani kita untuk memajukan diri dan meningkatkan taraf hidup masing-masing.

## HALACARA BARU DALAM PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN LUAR BANDAR

### Latarbelakang

Semenjak tahun-tahun 1950an lagi, kerajaan telah memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar. Hasilnya sebahagi-



*Pengelompokkan kampung-kampung kecil dan terpencil membolehkan kerajaan menyediakan kemudahan prasarana.*

gian besar kawasan luar bandar dapat menikmati prasarana dan kemudahan moden seperti jalanraya dan jambatan; bekalan elektrik; air paip dan kemudahan telefon; kawasan pertanian baru; sistem pengairan; klinik; sekolah dan lain-lain.

Pencapaian-pencapaian ini, sungguhpun boleh dibanggakan, tetapi masih belum memadai. Kadar kemiskinan masih tinggi dan masih ramai penduduk desa yang tidak mendapat atau belum merasai nikmat prasarana dan kemudahan moden. Hakikat inilah yang mendorong kerajaan untuk terus mencari jalan memperbaiki keadaan di luar bandar. Pada tahun 1984 Y.A.B. Perdana Menteri, telah mengenalkan Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar dengan hasrat untuk memperbaiki lagi taraf hidup masyarakat luar bandar.

## **Objektif**

Dasar ini bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar dengan meninggikan lagi pendapatan petani dan pekebun kecil. Pada jangka panjang ia diharap dapat menggalakkan masyarakat desa melibatkan diri dalam sektor duitan dan pelaburan.

## **Strategi**

Tiga strategi utama telah digubal untuk mencapai objektif-objektif di atas.

### **(i) Pengelompokkan kampung-kampung**

Kampung-kampung kecil dan terpencil akan dikelompokkan untuk mewujudkan pusat-pusat kependudukan yang lebih besar daripada kampung asal dan ini membolehkan kerajaan menyediakan kemudahan-



*Projek Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar di Mulong Lating, Kelantan telah mencapai kejayaan.*

kemudahan moden kepada penghuninya dengan lebih senang dan pada kos yang lebih rendah. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, maka diharap, taraf hidup mereka akan meningkat.

(ii) **Penyatuan Tanah dan Pengurusan Aktiviti Pertanian Secara Komersil**

Untuk meninggikan pendapatan petani dan pekebun kecil, strategi baru yang diperkenalkan ialah menyatukan kebun-kebun dan bendang-bendang kecil sebelah-menyebelah di sesuatu kawasan. Strategi penyatuan tanah itu akan menghasilkan kawasan-kawasan pertanian yang luas. Ini membolehkan pengurusan tanam-

an secara ladang (yang dipercayai adalah lebih cekap, produktif dan menguntungkan) digunakan. Penyatuan tanah yang dicadangkan dalam dasar ini walau bagaimanapun tidak akan mengubah status pemilikan atau syarat kegunaan tanah.

Untuk mengurus sesuatu ladang beberapa bentuk organisasi boleh ditubuhkan. Antaranya adalah syarikat kerjasama atau syarikat perniagaan. Pemilik-pemilik tanah yang dirangkumi oleh ladang itu akan menjadi pemegang saham syarikat itu dengan jumlah saham mereka ditentukan mengikut saiz tanah mereka sebagai peratusan daripada saiz ladang itu. Syarikat akan menggajikan orang yang layak dan mahir sebagai pengurus dan kakitangannya. Pemilik-pemilik tanah juga boleh diambil menjadi kakitangan syarikat sekiranya mereka berminat serta layak dan mahir.

Melalui strategi ini pendapatan pemilik tanah dijangka akan bertambah kerana tanah-tanah pertanian akan diusahakan sepenuhnya (*intensive and extensive*) dan bilangan tanah-tanah terbiar akan berkurangan.

### (iii) **Pembangunan Industri Kampung**

Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan industri barangan perusahaan kampung secara kecil-kecilan dan pertanian sampingan. Selain dari menambah pendapatan, ia juga dijangka akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru.

## **Penutup**

Hasrat dan cita-cita kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat desa; mewujudkan masyarakat desa yang melibatkan diri dalam sektor duitan akan tercapai sekiranya semua yang terlibat khususnya masyarakat desa itu sendiri memahami dan bersedia untuk menyahut cabaran untuk mengubah corak kehidupan mereka.

## KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Tujuan kempen ini adalah untuk menanam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang berkesan bagi dicontohi, dihayati dan diamalkan oleh segenap lapisan anggota Kerajaan Malaysia. Matlamatnya pula adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mengamalkan perkhidmatan yang Bersih, Cekap dan Amanah.

Perkara asas yang penting bagi memastikan kejayaan dasar ini ialah untuk menentukan wujudnya kepimpinan



*Tan Sri Dato' Sallehuddin bin Mohamed, bekas Ketua Setiausaha Negara berucap merasmikan program Pengukuran Produktiviti bagi kakitangan awam.*

yang cemerlang yang boleh dipatuhi dan dicontohi di semua peringkat. Pengwujudan nilai-nilai yang baik secara berterusan di semua peringkat kepimpinan akan menjadi cabaran kepada penguatkuasa dan pelaksana dasar Kerajaan.

Kepimpinan melalui teladan adalah satu dasar yang bertujuan mengubah sikap untuk mencapai dan memperkukuhkan nilai-nilai baik bagi mempertingkatkan etika kerja dan daya pengeluaran negara. Ia selaras, seimbang dan berdamping dengan dasar-dasar lain seperti Dasar Pandang Ke Timur, Bersih, Cekap dan Amanah dan Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran.



*Kakitangan kerajaan dari berbagai peringkat di majlis pelancaran Kepimpinan Melalui Teladan.*



## BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

Pembangunan dan kejayaan sesebuah negara bergantung antara lain pada nilai-nilai hidup dan etika kerja yang positif di kalangan pekerja-pekerjanya. Oleh itu, nilai-nilai ini harus ditanamkan di jiwa semua pekerja dan rakyat. Di antara nilai positif ini, yang dianggap penting adalah Bersih, Cekap dan Amanah.



*Pejabat Pelan Terbuka adalah sebahagian dari pembaharuan terhadap sistem pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah*

Objektif utama dasar ini adalah mewujudkan satu etika kerja dan sikap berkhidmat yang baru bagi rakyat Malaysia dengan memberi keutamaan kepada peningkatan daya pengeluaran dan mutu kerja.

Secara khususnya, sifat-sifat yang ingin diterapkan kejiwa setiap golongan pekerja adalah:

**Bersih** — iaitu mempunyai moral yang tinggi, bertatadib dan berdisiplin, tidak menyeleweng dan tidak rasuah. Bersikap berkecuali iaitu tidak berat sebelah dan tidak mementingkan diri sendiri. Tidak khianat dan tidak hasad dengki.

**Cekap** — iaitu berani dan cepat membuat keputusan. Dapat menghadapi krisis dengan tenang. Bersikap tegas kepada prinsip dan berpandangan jauh. Mempunyai keyakinan diri dan menampakkan peningkatan hasil dan mutu kerja yang tinggi disamping berpengetahuan, berpengalaman dan mahir dalam bidang-bidang tertentu.

**Amanah** — iaitu rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, terhadap rakan dan organisasi.

Pada umumnya penerapan nilai-nilai bersih, cekap dan amanah diterima dan dijamin khususnya oleh perkhidmatan awam. Ini berasaskan kepada pandangan umum bahawa prestasi perkhidmatan awam kini adalah lebih baik berbanding dengan masa sebelumnya.

Bagaimanapun, penerapan dan amalan nilai-nilai bersih, cekap dan amanah tidak memadai ditekankan hanya kepada perkhidmatan awam sahaja yang mana merupakan salah satu sektor dalam negara. Sekiranya nilai-nilai itu hendak dijadikan nilai-nilai Malaysia, seluruh lapisan dan golongan masyarakat

termasuklah ahli-ahli politik dan pekerja-pekerja sektor swasta hendaklah mengamalkannya.

Dasar yang melibatkan penerapan nilai-nilai bersih, cekap dan amanah ini bukan sahaja penting dikalangan para penjawat awam tetapi perlu diterapkan dikalangan rakyat keseluruhannya. Keberkesanan proses penerapan ini hanya akan menjadi ketara dalam jangkamasa panjang.



*Untuk kemudahan umum sistem kaunter pejabat-pejabat pos kini dijadikan pusat bayaran bil setempat.*

## **DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN**

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam adalah sebahagian daripada pelbagai usaha Kerajaan untuk menerapkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia.

### **Rasional**

Rasional Kerajaan memberi perhatian kepada nilai-nilai Islam ini ialah kerana dalam usaha untuk memelihara maruah warganegara Malaysia, maka perlulah ia mempunyai satu identiti yang kukuh. Dalam konteks ini, unsur yang terpenting sekali dalam pembentukan identiti warganegara Malaysia ialah nilai. Ia merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan kelahiran sesebuah masyarakat yang disegani.

Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai nilai kehidupan yang tertentu akan mudah menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa berusaha mengembangkan nilai-nilainya



*Menjalankan tanggungjawab dengan tekun dan ikhlas.*

dan dengan perkembangan ini akan dapat menguasai bangsa yang tidak mempunyai nilai-nilai yang kukuh.

Bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai bangsa dan agama serta menjalani cara hidup yang berbeza-beza, pengamalan nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua rakyat adalah menjadi asas penting dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan. Tanpa nilai yang 'universal' ini, rakyat akan terdorong untuk menerima dan menyanjung nilai-nilai lain yang sangat asing bagi masyarakat Malaysia. Ia akan mengakibatkan kesetiaan rakyat Malaysia

serta identitinya sebagai satu warganegara akan menjadi kabur dan maruah bangsa tidak dijunjung tinggi dan mungkin mereka akan memperkecil-kecilkan negara dan bangsa sendiri.

Dengan itu, rakyat Malaysia haruslah mempunyai identitinya sendiri dengan setiap individu, organisasi dan semua sektor yang melaksanakan pelbagai aktiviti menjalankan kerja yang boleh memberikan sumbangan kepada kesejahteraan negara.

Urusan-urusan yang dijalankan dengan penuh rapi, teliti, amanah dan rasa bertanggungjawab, boleh membawa kepada pembentukan identiti yang diperlukan oleh sesebuah negara seperti Malaysia. Tanpa penerimaan nilai-nilai hidup yang mulia ini, tidak mungkin identiti yang harum dapat dicapai.

## Objektif

Objektif dasar ini adalah:

- (a) Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat lain.
- (b) Menubuhkan sebuah 'negara bahagia'.
- (c) Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.
- (d) Menghasilkan perkhidmatan yang bermutu.

Berdasarkan kepada objektif-objektif ini, adalah jelas bahawa dasar ini bukannya bertujuan mengislamkan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam, tetapi memupuk amalan nilai-nilai murni yang boleh diterima oleh semua pihak dan golongan kerana agama-agama lain juga menitikberatkan amalan nilai-nilai seperti ini.

## Nilai-nilai Islam

Hanya sebelas daripada nilai-nilai Islam yang banyak telah dipilih untuk dijadikan asas dasar ini iaitu amanah, tanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisiplin, bekerjasama berbudi mulia dan bersyukur.

Nilai-nilai ini dipilih kerana ia merupakan unsur-unsur yang boleh diterima sebagai kunci kepada kejayaan dalam menjalankan urusan-urusan kehidupan terutamanya dalam pentadbiran sesebuah negara.



*Perkhidmatan kaunter Bank Islam Malaysia.*

## **DASAR PENGURANGAN BEBAN PERBELANJAAN AWAM**

Langkah berjimat cermat dalam belanjawan tahunan negara atau Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam dilancarkan pada tahun 1982, setelah kerajaan mengkaji semula dasar-dasar ekonomi negara. Untuk memastikan kegiatan ekonomi negara berjalan lancar disamping mengawal kadar inflasi dan memperbaiki kedudukan imbangan pembayaran negara — Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam ini dirangka untuk:—

- (a) Mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan selaras dengan sumber-sumber yang ada;
- (b) Mengurangkan defisit belanjawan Kerajaan ke tahap yang selaras dengan pengurusan ekonomi yang berhati-hati;
- (c) Mengawal pertumbuhan hutang awam supaya tidak menjejaskan kedudukan imbangan pembayaran negara dan kadar pertukaran asing.


Bagi mengimbangi pengurangan perbelanjawaan awam dan mempercepatkan pemulihan ekonomi kerajaan terus menggalakkan sektor swasta untuk memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah membuat pelbagai penyesuaian dasar yang ditujukan kepada sektor swasta untuk mempergiatkan aktiviti mereka



terutama dalam sektor-sektor pertanian, pembinaan dan industri pelancongan.

Secara umumnya, dasar pengurangan perbelanjaan awam adalah bertujuan, dalam jangka panjang, untuk menanamkan disiplin pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan selaras dengan dasar negara yang sedang bergerak ke arah negara perindustrian baru di rantau ini.

Melalui pelaksanaan dasar ini, Kerajaan telah mengkaji semula skop, kekesan dan faedah-faedah perbelanjaan sektor awam yang meliputi bukan sahaja perbelanjaan



*Kutipan tol di lebuhraya Ayer Keroh/Senawang turut diswastakan untuk mengurangkan beban perbelanjaan awam.*

Kerajaan Persekutuan tetapi juga Badan-Badan Berkanun dan Perbadanan-Perbadanan Awam yang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Setiap agensi telah diminta mengkaji semula kedudukan keperluan masing-masing, menentukan keutamaan dan meneliti faedah program-program mereka selaras dengan kedudukan kewangan yang terhad, terutamanya projek-projek pembangunan yang lazimnya melibatkan kandungan import yang tinggi. Hanya projek-projek yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sahaja akan dilaksanakan.

Kerajaan juga telah membekukan sementara pengisian jawatan-jawatan kosong dan pengambilan kakitangan baru. Jawatan-jawatan awam yang sedia ada juga, dikaji semula bagi memastikan tidak ada jawatan-jawatan yang bertindih dari segi bidang kerja.

Satu lagi langkah yang diambil ialah pengawalan ke atas "agensi-agensi di luar belanjawan" yang mempunyai pengaruh besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

Selain daripada itu, langkah-langkah yang diambil bertumpu kepada aspek sistem operasi dan kawalan. Operasi pentadbiran awam yang lebih cekap dan berkesan dengan memberi tumpuan kepada produktiviti adalah merupakan sebahagian daripada strategi memperkemaskan jentera dan sistem pengurusan kerajaan. Ini termasuk meningkatkan kekesan sistem pengawalan belanjawan yang ada selari dengan kehendak Sistem Belanjawan Program Prestasi yang telah dilaksanakan sejak tahun 1969 lagi.

Usaha Kerajaan untuk terus melaksanakan sistem dan amalan Pengurusan kewangan serta kawalan belanjawan yang kini sedang dalam pelaksanaan akan menambahkan lagi kekesan dasar penjimatan perbelanjaan awam pada masa-masa akan datang.

## PERSYARIKATAN MALAYSIA

Kemelesetan ekonomi yang melanda Malaysia dalam dekad 1980an merupakan ancaman yang besar kepada kesejahteraan hidup rakyatnya yang telah biasa dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat pada tahun-tahun 1960an dan 1970an. Pertumbuhan ekonomi di masa-masa lalu banyak bergantung kepada kestabilan pendapatan daripada eksport barangan negara dan penglibatan kerajaan secara aktif dalam kegiatan-kegiatan ekonomi selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kemelesetan yang berpanjangan ini telah memaksa kerajaan memikirkan semula strategi-strategi pertumbuhan ekonomi negara oleh kerana masa depan sektor barangan utama tidaklah begitu cerah memandangkan permintaan yang dijangka berkurangan dan persaingan yang semakin kuat.

Sektor swasta diharapkan memainkan peranan yang lebih aktif sebagai "*engine of growth*" dan memperlihatkan tahap keusahawanan yang sewajarnya bagi membolehkan kesejahteraan ekonomi negara dipulih dan dipertingkatkan dengan memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti pemerosesan dan perkilangan untuk pasaran eksport.

Lahirnya Dasar Persyarikatan Malaysia adalah berlandaskan kesedaran bahawa kedua-dua sektor awam dan swasta haruslah memupuk kerjasama erat dan mengambil sikap saling tolong-menolong supaya melaluinya dapat diwujudkan satu suasana yang lebih sempurna bagi para usahawan dan peniaga berusaha dengan bersungguh-sungguh menggiatkan projek-projek perindustrian dan perniagaan dan mampu bersaing di arena antarabangsa yang sentiasa mencabar itu. Negara-negara maju seperti Jepun dan negara-negara yang dikenali sebagai *NICs (Newly Industrialised Countries)* seperti Korea Selatan, Taiwan dan Singapura telah mengalami kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi kerana kejayaan mereka bersaing di pasaran antarabangsa. Salah satu faktor utama yang membawa kejayaan kepada *NICs* ini ialah kerjasama erat yang dikatakan wujud di antara sektor swasta dan sektor awam di negara masing-masing.

Potensi Malaysia untuk mencapai kejayaan yang lebih jitu dalam arena antarabangsa ini amatlah baik sekali memandangkan ia masih mempunyai sumber-sumber asli yang banyak yang boleh diproses dan dikilang untuk dieksport. Jika Jepun dan negara-negara *NICs* yang tidak mempunyai sebanyak sumber asli seperti Malaysia telah berjaya mengeksport barang-barang yang diproses dan dikilang, mengapa Malaysia tidak boleh? Kunci kejayaan negara-negara yang berjaya itu ialah penggembleran idea-idea dan usaha-usaha yang gigih oleh rakyat mereka, sama ada sektor awam mahupun sektor swasta.

Keperluan kepada Dasar Persyarikatan Malaysia ini wujud hasil daripada kesedaran bahawa pada masa ini masih terdapat beberapa perkara dan persoalan-persoalan pokok yang bersaing dan bertentangan di antara pihak awam dan swasta dalam soal matlamat organisasi, peraturan dan perhubungan.

### **Dasar Persyarikatan Malaysia adalah bertujuan:**

- (i) Mewujudkan kerjasama erat, bermakna dan berkesan antara sektor awam dan swasta demi pembangunan negara bagi mencapai faedah bersama;
- (ii) Menghapuskan sifat permusuhan di antara kedua-dua sektor dengan menggalakkan perkongsian maklumat, dan saling faham-memahami akan prosedur dan matlamat kedua-belah pihak;
- (iii) Meningkatkan hasil negara.

Apabila kerjasama kedua-dua pihak dipertingkatkan, sektor swasta diharap akan menjadi lebih dinamik dan lebih agresif dalam meneroka peluang-peluang perniagaan di dalam dan di luar negeri. Walaupun kerajaanlah yang menentukan dasar-dasar atau peraturan-peraturan serta menyediakan kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif, sektor swastalah yang perlu memainkan peranan utama untuk menjayakan hasrat kerajaan dalam dasar ini. Keupayaan meneroka peluang-peluang perniagaan yang baru serta meningkatkan produktiviti dan tahap pengurusan adalah faktor-faktor utama yang membolehkan kedua-dua sektor bersaing dengan berkesan. Sektor swasta perlulah mempunyai sifat-sifat dinamik dan agresif dalam bidang masing-masing. Memandangkan sebegitu banyak cabaran dan halangan yang dihadapi oleh sektor swasta, sektor awam pula perlu memberikan apa jua sokongan dan kerjasama yang bermakna kepada sektor swasta.

Dengan sokongan dan kerjasama sedemikian sektor swasta boleh bertindak dengan berkesan untuk memenuhi kehendak-kehendak dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam dunia perniagaan.

### **Peranan Sektor Awam**

Dalam sektor awam, sejak dasar ini dilaksanakan pada tahun 1983, beberapa langkah telah diambil untuk memper-

baiki peranan petugas-petugas perkhidmatan awam. Dalam memastikan kefahaman petugas-petugas perkhidmatan awam akan dasar ini, INTAN selaras dengan motto 'Latihan Untuk Pembangunan' telah dan sedang melaksanakan beberapa program pemahaman dasar ini.

Penubuhan Panel Perunding belum dilaksanakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun ada beberapa agensi penting dalam pentadbiran yang telah menubuhkannya. Satu contoh ialah penubuhan Majlis Galakan Eksport (*Eksport Promotion Council*) oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada bulan Disember, 1985.

Sehingga akhir tahun 1988, seramai 85 orang petugas perkhidmatan awam telah ditempatkan di sektor swasta secara sementara. Program ini akan dianjurkan lagi oleh sektor swasta dari semasa ke semasa dan agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mendapatkan maklumat perdagangan, pelaburan dan pelancongan dari luar negeri juga telah berjaya menyebarkan maklumat yang diterima kepada sektor swasta di Malaysia.

## **Peranan Sektor Swasta**

Sektor swastalah yang akan menentukan sama ada Dasar Persyarikatan Malaysia ini benar-benar dapat membawa negara ke tahap pencapaian pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan seterusnya membolehkan Malaysia menjadi negara yang maju. Kerajaan boleh mempermudah peraturan dan menyediakan insentif-insentif yang menarik tetapi aktiviti perniagaan dan perdagangan yang sebenar adalah pada sektor swasta sendiri. Daya usaha yang ditunjukkan oleh kerajaan dalam memperkenalkan Dasar Persyarikatan Malaysia ini haruslah mendapat sambutan yang positif oleh sektor swasta.

Harapan kerajaan terhadap sektor swasta negara ini amatlah besar. Peranan sektor swasta dalam pertumbuhan ekonomi negara masih perlu dipertingkatkan. Menerusi Dasar Persyarikatan Malaysia diharap akan memesatkan pertumbuhan ekonomi negara di masa-masa akan datang.

Dasar Persyarikatan Malaysia timbul di atas kesedaran bahawa kedua-dua sektor awam dan swasta adalah sehaluan untuk menjadikan negara ini lebih maju. Sesungguhnya pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia yang berkesan akan dapat memberi sumbangan yang besar ke arah kejayaan lain-lain dasar awam negara seperti Dasar Perindustrian Negara, Penswastaan dan lain-lain.

## DASAR PENSWASTAAN

Penswastaan ialah satu pendekatan untuk mengurangkan penglibatan Kerajaan di dalam kegiatan ekonomi supaya kerajaan dapat memberikan perhatian yang lebih kepada tugas dan pemerintahan negara.



*Kerja-kerja pemasangan kabel talikom oleh pekerja-pekerja Syarikat Talikom Malaysia.*



Penswastaan membuka peluang untuk menyusun semula struktur peranan di antara sektor awam dengan sektor swasta di dalam proses pembangunan. Ia juga memberi sektor awam satu jalan untuk mengurangkan penglibatan di dalam ekonomi disamping meningkatkan penyertaan sektor swasta. Proses ini juga mencerminkan keyakinan terhadap sektor swasta bagi meluaskan skop kegiatan dan meningkatkan kecekapannya. Lebih penting lagi pelepasan kerajaan daripada pengeluaran barang-barang membolehkan sektor swasta melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang pada amnya dianggap sebagai bidang sektor awam. Ini seterusnya membolehkan persaingan di kalangan sektor swasta di dalam pembekalan barang-barang dan perkhidmatan tersebut.

Proses penswastaan yang dilaksanakan secara aktif dalam tahun 1985 terus dipergiatkan lagi. Ini dapat dilihat daripada pertambahan bilangan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak swasta sebagai menyahut saranan kerajaan melalui Garispanduan Mengenai Penswastaan. Kejayaan dalam menswastaan TV3 dalam tahun 1983 dan operasi baik pulih dan menyelenggara kapalterbang dalam tahun 1984 menambahkan lagi pengalaman dan kepercayaan kedua-dua sektor dalam melaksanakan dasar ini. Peluang-peluang bagi penswastaan telah ditawarkan kepada pihak swasta di dalam pembangunan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti lebuh raya Utara-Selatan, pembinaan dan penyelenggaraan Jalan Lintas Selat Kelang Utara, Jejantas Jalan Kuching/Jalan Kepong, dan Terminal Kontena Pelabuhan Kelang, dan dalam penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti projek Bekalan Air Labuan.

Oleh kerana penswastaan merupakan satu fenomena yang baru, maka tidak dapat dielak sistem pentadbiran dan prosidur perundangan yang ada mengambil masa yang agak panjang untuk diperkemas bagi menyegerakan perlaksanaan dasar ini. Namun begitu beberapa perubahan yang wajar telah dibuat



*Kerja-kerja pengendalian Terminal Kontena Pelabuhan Kelang turut diswastakan.*

kepada undang-undang berhubung dengan pencen kakitangan awam dan Artikel 83 dan 85 perlembagaan Persekutuan. Perubahan yang pertama dibuat untuk membolehkan kakitangan awam diperfcenkan dan diberi pilihan syarat-syarat kerja dalam syarikat yang baru manakala pindaan yang kedua tersebut adalah untuk menghapuskan halangan perundangan berhubung dengan tanah dalam menswastakan sesuatu projek.

Pelaksanaan dasar ini akan dipercepatkan melalui penyusunan dan penggubalan jentera pentadbiran, kajian semula dan pindaan beberapa prosidur undang-undang dan pentadbiran yang menghalang pelaksanaan segera dasar ini, pemeriksaan semula aspek-aspek promosi dan pemasaran, kajian semula terhadap kawalan penyediaan dan undang-undang terhadap badan-badan yang diswastakan, pembangunan pasaran modal, dan perlindungan kepentingan-kepentingan pekerja di dalam badan-badan yang diswastakan. Penswastaan walaupun bagaimanapun, tidak harus dianggap sebagai satu cara penyelesaian kepada semua masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara, manakala kejayaan dasar ini perlulah dinilai dalam konteks berbagai matlamat dasar Kerajaan termasuk kepentingan awam.

Walaupun terdapat halangan-halangan besar di peringkat pelaksanaan dan sungguhpun dasar ini perlu menghadapi laluan yang belum diterokai, kemajuan keseluruhan yang dicapai setakat ini adalah pada amnya memuaskan. Langkah-langkah yang lebih akan diambil untuk menggunakan pengalaman yang dipelajari bagi memperkukuhkan pelaksanaan dasar termasuklah penyediaan satu pelan induk penswastaan.

## DASAR PANDANG KE TIMUR

Dasar ini bermakna pihak Kerajaan akan membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara Jepun dan Korea dan mengubahsuaikannya dengan keadaan di Malaysia.



*"Kualiti iaitu sesuatu keadaan yang cemerlang atau amat baik adalah tidak statik" Perdana Menteri ketika berucap di pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang.*

Objektif utama Dasar Pandang Ke Timur ini ialah untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif untuk mempertingkatkan kemajuan negara.

Perkara-perkara yang harus ditekankan dalam dasar ini ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak kepada diri sendiri, penekanan terhadap daya pengeluaran (Produktiviti) dan mutu yang tinggi (Kualiti), peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja am, sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek, dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan bagi negara kita. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, nilai-nilai dan etika kerja berkenaan perlu diamalkan kerana ianya dapat membantu menjayakan usaha-usaha pembangunan yang dijalankan.

Dasar ini tidak bermakna bahawa Malaysia mengurangkan hubungan perdagangannya dengan rakan-rakan yang sedia ada ataupun memberi keutamaan kepada import barang-barang dan perkhidmatan dari Jepun dan Korea. Kerajaan akan terus mengamalkan dasar perdagangan terbuka dengan semua negara kecuali Israel dan Afrika Selatan.

Selaras dengan dasar ini, Kerajaan telah menyusun strategi dan program bagi meningkatkan kecekapan, kekesan dan penghasilan kerja yang lebih baik di kalangan pegawai dan kakitangan. Pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar Malaysia telah dihantar ke Jepun dan Korea untuk mempelajari selok belok teknikal dan aspek pengurusan di kedua-dua negara tersebut.

## DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA

Di dalam tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan, program perindustrian di negara ini dijalankan sebagai usaha untuk mempelbagaikan asas ekonomi negara yang pada masa itu amat bergantung kepada getah dan timah.


Sejak tahun-tahun 1970an Kerajaan telah menitikberatkan pertumbuhan industri yang lebih pesat untuk menampung kehendak-kehendak pekerjaan dan Dasar Ekonomi Baru.

Mulai tahun 1980 pula, program perindustrian negara mengalami satu lagi perkembangan menerusi penggalakkan industri berat. Ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi asas perindustrian negara dan menambahkan kemahiran rakyat di bidang yang lebih tinggi.

Untuk mengatasi beberapa kelemahan dalam strategi Perindustrian tahun-tahun yang lepas, kerajaan telah menggubal Pelan Induk Perindustrian (*IMP*) yang meliputi tempoh 10 tahun (1986 hingga 1995).

Tiga matlamat Pelan Induk Perindustrian (*IMP*) ialah:—

- (a) Menjadikan sektor perkilangan sebagai *catalyst* pertumbuhan perindustrian negara;
- (b) Menggalakkan penggunaan sepenuhnya sumber asli negara dan;



*Industri pengeluaran barangan komponen elektronik.*

- (c) Meningkatkan tahap penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) teknologi tempatan sebagai asas bagi Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian.

*IMP* juga telah menetapkan matlamat-matlamat kuantitatif seperti berikut: —

- (a) Keluaran Dalam Negara Kasar (*GDP*) akan bertambah daripada \$69.465 ribu juta dalam tahun 1985 kepada \$129 ribu juta menjelang tahun 1995.
- (b) Jumlah pelaburan yang diperlukan untuk mencapai *GDP* 1985 dianggarkan sebanyak \$20.145 ribu juta dan di jangka akan bertambah kepada \$34.905 ribu juta menjelang tahun 1995.
- (c) Sektor perkilangan memerlukan pelaburan sebanyak \$3.848 ribu juta atau 1/5 daripada jumlah pelaburan dalam tahun 1985 dan ini dijangka akan bertambah kepada \$8.342 ribu juta, atau lebih daripada 1/4 daripada jumlah pelaburan dalam tahun 1995.
- (d) Nilai eksport sektor perkilangan dijangka akan bertambah daripada \$21.640 ribu juta dalam tahun 1985 kepada \$50.967 ribu juta dalam tahun 1995; dan
- (e) Jumlah peluang gunatenaga dijangka akan bertambah dari 758,500 dalam tahun 1985 kepada 1,465,900 dalam tahun 1995, iaitu pertambahan sebanyak 705,400.

Untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut, 12 sektor yang patut diberi penekanan dalam masa 10 tahun akan datang, iaitu getah, kelapa sawit, kayu-kayan, makanan, kimia, logam bukan ferus, keluaran-keluaran galian bukan logam, elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan, mesin dan kejuruteraan, logam-logam ferus, tekstil dan pakaian.



Untuk mencapai taraf sebuah Negara Perindustrian beberapa langkah telah diambil iaitu:—

- (a) Melaksanakan dasar perindustrian yang berpandangan keluar. Malaysia harus berpaling kepada pengeksportan keluaran-keluaran perkilangan secara besar-besaran.
- (b) Memajukan secara intensif industri-industri berasaskan sumber untuk eksport dan mempelbagai dan meningkatkan industri-industri bukan berasaskan sumber untuk eksport.



*Proses pengilangan industri pengetinan nenas.*

- (c) Memajukan industri-industri berat terpilih untuk menyokong industri-industri eksport.
- (d) Memaju dan menggunakan sistem perkhidmatan maklumat yang bersepadu.
- (e) Membangunkan teknologi dan tenaga rakyat.
- (f) Mengurangkan perbelanjaan dalam pembinaan infrastruktur dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan industri-industri di kawasan yang telah sedia mempunyai kemudahan infrastruktur yang diperlukan.
- (g) Memoden dan menyusun semula struktur perindustrian dengan memperluaskan pembangunan industri-industri kecil dan sederhana dan menyusun semula industri-industri yang kurang berkesan tetapi penting dalam ekonomi negara.
- (h) Meningkatkan jentera pentadbiran untuk perancangan dan pelaksanaan.
- (i) Menyusun semula struktur galakan perindustrian sedia ada.

Pelan Induk Perindustrian merangkumi strategi-strategi dan langkah-langkah yang boleh membawa Malaysia ke dalam era sebuah negara perindustrian baru (*NIC*) dan seterusnya sebuah negara maju. Melaluinya, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan lebih diterajui, oleh pertumbuhan dalam sektor eksport yang berlandaskan strategi industrialisasi yang '*outward-looking*'. Sejauh mana ini akan mencapai hasil yang baik bergantunglah kepada keupayaan pekilang-pekilang di Malaysia, mengekal, jika tidak pun meningkatkan lagi daya persaingan di pasaran antarabangsa yang penuh cabaran itu.

## DASAR KEPENDUDUKAN

Penduduk merupakan sumber yang terpenting selain daripada tanah serta lain-lain sumber semulajadi sebagai faktor utama untuk kemajuan ekonomi dan sosial negara. Dengan kesedaran ini Kerajaan telah mengambil langkah mewujudkan Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta Penduduk. Matlamat kependudukan ini dijangka dapat dicapai dalam tempoh 115 hingga 120 tahun.

Jumlah penduduk Malaysia adalah kecil jika dibandingkan dengan negara-negara yang mempunyai saiz keluasan tanah yang hampir sama. Umpamanya Malaysia dengan kawasan seluas 329,293 km persegi hanya mempunyai penduduk seramai 16.9 juta (1988), sedangkan Filipina dengan kawasan seluas 300,000 km. persegi mempunyai penduduk seramai 57.4 (juta 1987). Ini menunjukkan Malaysia masih kaya dengan kawasan dan sumber semulajadi untuk tujuan tersebut.

Kerajaan sedar bukannya mudah untuk mencapai dasar kependudukan ini. Untuk memastikan dasar ini berjaya perancangan penduduk haruslah sejajar dengan nilai-nilai dan semangat rajin bekerja, amanah, berdisiplin dan produktif. Disamping itu kerajaan juga perlu mengambil kira bidang-bidang yang akan terlibat dalam pembesaran kependudukan seperti bekalan makanan, perumahan, pekerjaan, kesihatan, pelajaran, bekalan air dan penggunaan tenaga. Jika perkara-



perkara ini tidak dititik beratkan oleh Kerajaan serta rakyatnya, maka pertambahan penduduk akan hanya melemahkan negara.

Dasar kependudukan yang positif akan membolehkan negara mencapai tujuan-tujuan yang telah dirancang. Beberapa negara yang kecil telah membuktikan bahawa bilangan penduduk yang ramai tidak semestinya menjadi beban kepada negara.



*Kanak-kanak Malaysia yang riang dan cergas mempunyai peranan yang besar dalam membentuk masa depan negara.*

Adalah diharapkan dengan kependudukan 70 juta ini, Malaysia akan dapat mewujudkan permintaan dan pasaran tempatan dan tidak hanya bergantung kepada negara lain. Ini akan menggalakkan persaingan dan seterusnya meningkatkan daya pengeluaran eksport. Disamping itu, jumlah penduduk yang ramai dapat menguat dan mempertahankan negara dari segi politik dan keselamatan.

Jangkamasa yang ditetapkan bagi mencapai matlamat ini adalah difikirkan mencukupi untuk memberi masa kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara untuk menampung 70 juta penduduk. Tempoh ini juga dijangka dapat memperseimbangkan kepadatan penduduk, taburan penduduk, sumber keluaran dan alam sekitar.

Dalam usaha mencapai dasar ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah, antaranya dasar percukai-an dan faedah-faedah bersalin yang akan memberi manfaat kepada keluarga beranak lima. Kerajaan telah mengkaji semula dan menyelaraskan fungsi dan peranan Lembaga Kependudukan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk mencapai matlamat dasar ini.

Apa yang jelas dengan Dasar Kependudukan ini ialah Kerajaan tidak mahu mengambil sikap sambil lewa terhadap pertumbuhan penduduk tanpa perancangan yang teratur. Kita boleh lihat negara-negara yang tidak mempunyai dasar kependudukan yang positif telah mengalami kesulitan dalam mengawal atau menambahkan kependudukan. India dan Bangladesh menghadapi kesulitan penduduk yang terlampau ramai tanpa perkembangan ekonomi yang seajar. Di beberapa buah negara barat pula, menghadapi kekurangan penduduk dan berbagai insentif diberikan kepada rakyatnya supaya menambahkan jumlah keluarga tetapi tidak berhasil.



# **BERJAYA**

**13 JUN. 1991**

Suntingan: Bahagian Penerbitan  
Rekabentuk: Bahagian Pengeluaran Visual



Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia  
Kementerian Penerangan BK. 016 (B.M.) Ogos '1990 (100.)

Dicetak oleh Zizi Press Sdn. Bhd. untuk Jabatan Percetakan Negara.

